

**PAS dakwa tindakan terhadap Kassim Ahmad lewat kerana Dr Mahathir  
Malaysian Insider  
Feb 25, 2014  
OLEH HASBULLAH AWANG CHIK**

Tiada tindakan yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan pihak berkuasa agama negeri berhubung kenyataan Dr Kassim Ahmad dipercayai akibat pengaruh daripada bekas perdana menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, kata ahli Parlimen PAS.

Ahli Parlimen Shah Alam, Khalid Samad, berkata kelewatan jabatan agama negeri mengambil tindakan terhadap Kassim akan mengundang salah faham di kalangan umat Islam serta mewujudkan ketegangan di antara orang Melayu.

“Kita nampak semua jabatan agama ambil tindakan terhadap Syiah tetapi apabila Kassim mengeluarkan kenyataan menghina Rasulullah yang mana kedudukannya diabadikan dalam Al-Quran tiada tindakan daripada mana-mana pihak.

“Apabila melibatkan Dr Mahathir yang menjadi orang yang menjemput Kassim untuk berucap maka langsung tidak ada apa-apa tindakan. Kita hairan dengan mainan politik sebegini rupa,” katanya pada satu sidang media di Shah Alam, hari ini.

Kassim dalam satu seminar yang diadakan di Putrajaya dilaporkan menuduh ulama mengawal Islam di Malaysia menggunakan sistem kasta paderi, mempersoal penggunaan hadis dalam menjelaskan ajaran Al-Quran dan mengatakan salah bagi umat Islam mendewakan Nabi Muhammad kerana "beliau hanya pesuruh Allah".

Beliau turut mempersoalkan pemakaian tudung oleh wanita Islam, mengatakan "rambut bukannya sebahagian daripada aurat" dalam ceramahnya yang bertajuk, "Hala Tuju Malaysia dalam masa 30 Tahun".

Khalid berkata, tidak wajar pihak berkuasa agama masih belum mengambil sebarang tindakan kerana kenyataan yang dikeluarkan Kassim lebih sesat daripada fahaman Syiah.

Katanya, Kassim hanya berpegang kepada syahadah pertama iaitu percaya tiada Tuhan yang layak disembah selain Allah tetapi menafikan syahadah kedua iaitu mengakui Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah.

“Saya cukup hairan mengapa tidak ada tindakan mana-mana pihak. Ini adalah ajaran sesat. Lagi sesat daripada Syiah yang menganggap dua kalimah syahadah adalah wajib dan rukun bagi seseorang menjadi orang Islam.

“Kassim kata cukup dengan syahadah pertama dan tidak perlu diberi kelebihan kepada Nabi Muhammad. Kita desak pihak berkuasa mengambil tindakan dan membuktikan keikhlasan dalam soal menangani ajaran sesat. Paling kurang dia dipanggil untuk diberikan nasihat supaya tidak diulangi (kenyataannya),” katanya.

Khalid yang juga ahli jawatankuasa PAS Pusat berkata, tiada masalah bagi jabatan agama Islam atau mufti sendiri untuk mengadakan sesi perdebatan dengan Kassim malah jika tiada yang berani tampil, beliau sendiri sanggup untuk berdebat dengan Kassim.

“Boleh. jabatan agama boleh aturkannya. Tiada masalah. Mufti pun tidak berani? Kalau tiada yang berani, saya sendiri pun tidak mengapa,” katanya.

Kassim dalam satu wawancara bersama The Malaysian Insider berkata, beliau mengalu-alukan pihak berkuasa untuk "memeriksa jiwanya" dan mencabar untuk membuktikan tuduhan beliau menghina Nabi.

"Mereka mengabaikan yang lain dan terus membuat kesimpulan. Dalam erti kata lain, mereka tidak jujur. Allah maha mengetahui. Saya tidak takut kepada mereka (Jakim), mereka itu hanya kumpulan kecil sahaja dalam Malaysia.

"Mereka perlu buat kerja betul-betul, ini nasihat saya kepada Jakim," katanya.

Kassim turut menyatakan kesediaannya untuk bertemu bekas Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin dan akan berdebat berkenaan dialog hadis anjuran Sinar Harian pada 3 Mac di Ibu Pejabat Karangkraf di Shah Alam.

Khalid berkata, memperakui Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah penting untuk membezakan Islam dengan agama Kristian dan Yahudi.

Katanya, kalimah syahadah pertama iaitu mengakui tiada Tuhan selain Allah telah mula digunakan sejak zaman Nabi Adam tetapi ia berdasarkan kepada kepercayaan kepada rasul pada ketika itu.

"Kalimah syahadah pertama dibawa oleh semua nabi dan rasul sejak Nabi Adam. Apa yang membezakan Islam dengan Kristian dan Yahudi adalah kalimah syahadah kedua.

"Jika hanya percaya Allah sebagai Tuhan, orang Kristian dan Yahudi pun percaya sedemikian tetapi yang membezakan adalah memperakui Nabi Muhammad sebagai pesuruh Allah," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Khalid sekali lagi mengecam Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Mohd Jaafar Mohd Atan dan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) kerana sengaja melengah-lengahkan projek Kompleks Konvensyen Pameran Perabot (IDCC) yang tertangguh hampir dua tahun.

Katanya, keengganan MBSA untuk menjawab surat yang diberikan oleh pemaju mengakibatkan mereka terpaksa menanggung kerugian sebanyak RM84 juta.

"Pemaju menjangkakan untuk membuat pembukaan sebelum Tahun Baru Cina tempoh hari dengan memanggil pereka hiasan dalaman antarabangsa untuk mempamerkan produk mereka namun akibat datuk bandar dan MBSA yang tidak cekap, semua itu terpaksa dibatalkan.

"Saya minta Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan ahli exco memastikan pihak berkuasa tempatan (PBT) membantu melancarkan proses pembangunan. MBSA sepatutnya bekerjasama dengan pemaju untuk melancarkan projek," katanya

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/tindakan-lambat-jabatan-agama-terhadap-kassim-ahmad-kerana-dr-mahathir-kata>